

GERBANG **VARSITI KITA**

Bil. 23/2025

Korpus Sejarah UKM

JEJAK MASA: SEJARAH REKOD KEHADIRAN KAKITANGAN

**Buku
Kedatangan**



Sistem rekod kehadiran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada awal penubuhannya dijalankan secara manual menggunakan buku kedatangan. Kakitangan perlu mencatat waktu masuk dan keluar secara bertulis.

**Sistem
e-Warga**



Sistem rekod kehadiran kakitangan beralih kepada kaedah elektronik sepenuhnya melalui e-Warga pada 2 Januari 2002. Dibangunkan oleh Pusat Komputer UKM, e-Warga merupakan sistem berasaskan web yang membolehkan rekod kehadiran direkod secara dalam talian. Sistem ini hanya boleh diakses melalui komputer dalam rangkaian kampus induk Bangi, HUKM dan Kampus Cawangan Kuala Lumpur. Waktu kehadiran pula direkod berdasarkan jam pelayan web.

**Kad
Perakam
Waktu**



Kad Perakam Waktu diperkenalkan pada Ogos 1978, Perpustakaan Tun Seri Lanang merupakan jabatan pertama di UKM yang menggunakan Sistem Kad Perakam Waktu. Sistem ini berfungsi dengan mencatat waktu masuk dan keluar kakitangan; waktu yang direkodkan warna biru menandakan kehadiran tepat pada masanya, manakala warna merah menunjukkan kelewatan. Jika kakitangan lewat tiga kali berturut-turut, kad akan bertukar kepada warna merah.

MyUKM

Aplikasi mobil 'MyUKM' telah diperkenalkan pada tahun 2018. Ia merupakan salah satu saluran penyampaian maklumat kepada staf dan pelajar UKM. MyUKM telah melalui beberapa kemas kini untuk meningkatkan fungsinya. Pada tahun 2021, penambahan ciri baharu yang membolehkan kakitangan merekodkan kehadiran waktu bekerja, sama ada berada di dalam atau di luar kampus. Ciri ini diperkenalkan untuk memudahkan proses perekodan kehadiran dan memastikan rekod yang lebih tepat dan efisien.



Sumber:

- Perpustakaan Tun Seri Lanang perintis kad perakam waktu. Nadi Bangi (Jilid 4), 10 Ogos 1981
- Laporan Tahunan UKM 2018, <https://www.ukm.my/portalukm/wp-content/yearlyreport/2018/PDF.pdf>